

Ciri dan Personaliti Signifikan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar

Significant Personality Characteristics of Islamic Education Teachers (GPI) in the Formation of Students' Characters

Nur Shahidah Munir @ Munirah Wahap¹, Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim², Mohd Syaubari bin Othman³

^{1,2} Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

³ Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: shahidahmunirah37@gmail.com

Received: 30 April 2024; **Accepted:** 11 June 2024; **Published:** 06 January 2025

To cite this article (APA): Wahap, N. S. M. @ M., Abdul Rahim, M. M., & Othman, M. S. Ciri dan personaliti signifikan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pembentukan sahsiah pelajar. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 1–14. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.1.2025>

Abstrak

Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan ajaran tentang nilai moral, akidah, falsafah dan akhlak kepada pelajar. *Qudwah hasanah* atau tingkah laku yang boleh dicontohi merupakan komponen penting bagi tenaga pengajar Pendidikan Islam. Oleh itu, GPI mempunyai tanggungjawab yang hakiki dalam mempromosi personaliti yang baik dalam kalangan pelajar dan masyarakat keseluruhannya dengan menunjukkan contoh yang positif. Kajian ini bertujuan untuk meneroka ciri-ciri personaliti GPI yang unggul dalam membentuk sahsiah pelajar. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah tinjauan literatur sistematik atau *systematic literature review* (SLR). Dapatan kajian merumuskan lima ciri personaliti utama yang perlu ditekankan oleh GPI iaitu penampilan, komunikasi, tingkah laku, emosi dan dedikasi. Kajian ini mempunyai kepentingan dalam mengetengahkan aspek personaliti unggul yang perlu ada pada setiap guru Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Personaliti, guru Pendidikan Islam, pembentukan sahsiah

Abstract

Islamic education teachers play a significant role in teaching students about moral values, beliefs, philosophy, and attitudes. *Qudwah hasanah*, or exemplary behavior, is essential for Islamic Education instructors. Therefore, Islamic Education teachers are responsible for promoting good personality among students and society as a positive example. This study explores the personality characteristics of Islamic Education teachers who excel in shaping students' personalities. Therefore, this study used a qualitative approach with a systematic literature review method. The study's findings summarize five main personality traits that need

to be emphasized by Islamic Education teachers, namely appearance, communication, behavior, emotion, and dedication. This study highlights aspects of superior personality that must be present in every Islamic Education teacher.

Keywords: Personality, Islamic Education teachers, formation of character

Pendahuluan

Guru merupakan salah satu komponen yang memainkan peranan yang besar dalam kejayaan pembelajaran pelajar di sekolah. Mereka mempunyai tugas yang besar dalam merealisasikan impian pelajar dan matlamat hidup pelajar secara optimum dengan membantu mereka berkembang. Wan Fakhrul Razi et al. (2023) menjelaskan bahawa guru yang aktif dalam bidang pendidikan mestilah mempunyai personaliti yang baik sebagai seorang pendidik. Apa sahaja ilmu yang disampaikan oleh guru dianggap benar dan tiada bantahan. Maka, profession perguruan mempunyai tanggungjawab yang sangat berat.

Personaliti yang baik akan menentukan guru sama ada mereka boleh menjadi pendidik, pembina dan pembimbing yang baik kepada pelajar (Nor Izzati, 2021). Sebaliknya, guru yang tidak mempunyai personaliti yang baik boleh menjadi pemusnah masa depan pelajar (Mohd Saiful Akmal, Sunawari & Faudzinain, 2021). Seorang guru bukan sahaja dituntut berkemampuan dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, bahkan yang paling penting ialah bagaimana seorang guru seharusnya mampu membuat proses belajar sebagai acara pembentukan kompetensi sahsiah dan tingkah laku pelajar yang baik (Sukawati et al., 2019).

Personaliti mempunyai pengaruh langsung terhadap kehidupan dan tabiat belajar pelajar. Beberapa kajian dan hasil pemerhatian mengukuhkan fakta bahawa begitu banyak yang dipelajari oleh pelajar daripada guru mereka. Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa masalah seperti motivasi, disiplin, tingkah laku sosial, pencapaian, dan keinginan pembelajaran berterusan dalam diri pelajar berpunca daripada personaliti guru (Sari, 2021; Nurhadi & Irhamuddin, 2021; Norhalimatun, Isa, & Khadijah, 2020; Solahuddin & Nor Azzuwal, 2017).

Zainuddin (1991) dalam penulisannya mengemukakan pendapat al-Ghazali dalam kitab *Ihya 'Ulumuddin* yang menggambarkan betapa pentingnya keperibadian seorang pendidik seperti:

“Seorang guru mengaplikasikan ilmunya, kemudian berkata jangan berbohong pada perbuatannya. Kerana sesungguhnya ilmu itu dapat dilihat dengan mata hati, sedangkan perbuatan dapat dilihat dengan mata kepala.”

Daripada kenyataan Imam al-Ghazali ini dapat dilihat bahawa tindakan, akhlak dan keperibadian merupakan bahagian yang penting bagi seorang guru kerana ia akan menjadi contoh dan teladan bagi anak didiknya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung (Zainuddin, 1991). Guru adalah pendidik profesional yang mempunyai tugas asas untuk mendidik, mengajar dan mengarahkan pelajarnya agar dapat mencapai tujuan dan cita-citanya. Guru yang profesional seharusnya dapat menjalankan tanggungjawab dalam mengajar dan memberikan contoh yang terpuji kepada peserta mereka dengan profesional. Guru yang

profesional juga mestilah mempunyai personaliti yang baik (Wan Fakhrul Razi et al., 2023). Kerana pada dasarnya guru merupakan satu profesion yang mulia dan terpuji, sahsiah yang baik perlu sentiasa dibentuk dalam diri guru. Personaliti yang baik menjadi modal kepada guru melaksanakan tugas dan kewajipan menjadi pendidik kepada pelajar (Fakhrul Razi et al., 2023).

Latar Belakang Kajian

Personaliti dikenali sebagai watak atau karakter dalam falsafah Islam. Akhlak berasal daripada istilah Arab iaitu *khuluq*, *khulqun* atau *khuluqun* yang mempunyai maksud yang sama dengan *al-sajiyyah* yang bermaksud tabiat, tingkah laku dan kelakuan. Manakala *khalq* merujuk kepada penghasilan manusia atau kecantikan luaran (fizikal). *Khuluq* merujuk kepada keadaan rohani yang optimum dan ia harus dipupuk. Akhlak adalah bentuk *jamak* daripada *khuluq* yang bermaksud kelakuan, kebiasaan, keperibadian atau kehendak (Faizin, 2021). Ibn Manzur (1996) dalam *Lisan al-Arab* menghuraikan keperibadian atau akhlak sebagai tingkah laku yang biasa dilakukan oleh seseorang dan merupakan gambaran luaran serta dalaman mereka. Selain itu, Muhammad bin Abu Bakar ‘Abd al-Qadir al-Razi (1981) berpendapat bahawa *khuluq* merujuk kepada tradisi, adab, maruah dan agama dari sudut istilah. Menurut ‘Abd al-Latif Muhammad al-‘Abd (1985), ia adalah satu kuasa yang dengan mudah boleh menjana sebarang tingkah laku tanpa memerlukan fikiran atau pemerhatian. Walaupun ia adalah sesuatu yang boleh diperbaiki, kebanyakan personaliti adalah disebabkan oleh tabiat fizikal, latihan dan rutin.

Sementara itu, Imam al-Ghazali (1996) menganalogikan akhlak sebagai suatu keadaan yang tertanam dalam jiwa bahkan berfungsi untuk memacu tingkah laku mana-mana individu tanpa memerlukan proses kognitif atau penilaian. Akhlak juga boleh dipandang sebagai satu keadaan yang berakar umbi dalam jiwa. Sekiranya tingkah laku yang berikutnya adalah wajar dan dihormati dari perspektif rasional dan syariah, maka ia disebut sebagai akhlak yang cemerlang (*hasanah*). Sebaliknya, kelakuan yang tidak diingini dikenali sebagai kelakuan yang buruk (*mazmumah*).

Atas dasar akidah Islam, bidang pendidikan Islam ini dilihat sebagai alat yang signifikan untuk membentuk sahsiah dan pemikiran pelajar (Wan Fakhrul Razi et al., 2023). Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), menyatakan pembinaan akhlak mulia dalam kalangan murid juga merupakan objektif pendidikan negara. Menurut Adillah Ramly dan Halim Masnan (2023), tujuan FPK adalah untuk menjana individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan mental. FPK juga berhasrat untuk membentuk insan yang berdisiplin dan berakhlak mulia, mempunyai sahsiah yang sihat serta bersepadu. Hasrat tersebut selaras dengan objektif FPI iaitu melahirkan insan yang beriman, berilmu, altruisme dan berakhlak mulia.

Guru merupakan seseorang yang sangat berpengaruh dalam proses pembelajaran. Oleh itu, guru hendaklah membawa pelajarinya kepada matlamat yang ingin dicapai. Guru mesti menaungi pelajar, dan kriteria seorang guru adalah mempunyai autoriti yang boleh memberi kesan dan pengaruh (Afiful Ikhwani et al., 2019). Pada dasarnya guru hanya bertanggungjawab terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi juga, beliau diharap bertanggungjawab untuk mencapai matlamat negara (Fakhrul Razi et al., 2023). Sehubungan itu, usaha mendidik dan mengasuh golongan muda perlu dipertingkatkan, malah bermula sejak awal dalam keluarga (ibu bapa), sekolah, mahupun masyarakat. Khususnya GPI, mereka mempunyai peranan yang amat penting dalam menyampaikan ajaran tentang nilai moral,

akidah, falsafah, dan sikap kepada pelajarnya (Norzi & Khadijah, 2022). *Qudwah hasanah*, atau tingkah laku yang boleh dicontohi, merupakan komponen penting bagi GPI. Oleh itu, GPI mempunyai tanggungjawab yang hakiki dalam mempromosi tingkah laku yang baik dalam kalangan pelajar dan masyarakat keseluruhannya dengan menunjukkan contoh yang positif (Sari, 2021). Pelajar mengukur tingkah laku mereka berdasarkan tingkah laku guru mereka. Selain itu, pelajar juga lebih cenderung untuk meniru apa yang mereka perhatikan berbanding apa yang mereka dengar (Norhalimaton, Isa, & Khadijah, 2020).

Menurut Solahuddin Abdul Hamid dan Nor Azzuwal Kila (2017), personaliti GPI haruslah bertepatan dengan konsep pendidikan dalam Islam yang merujuk kepada *tarbiyyah* dan *ta'lim*. *Tarbiyyah* dimaksudkan sebagai pengasuhan dan *ta'lim* dimaksudkan sebagai penyampaian ilmu. Justeru, personaliti beradab oleh seorang GPI adalah manifestasi daripada ilmu yang ada (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*) serta penyuburan ilmu yang baik (*tarbiyyah*). Keseluruhan konsep ini dinamakan sebagai *ta'dib* (personaliti beradab) di mana ia merujuk kepada tingkah laku yang dapat mendisiplinkan minda dan jiwa, benar dan sesuai, mempunyai kebijaksanaan serta mempunyai ilmu yang dapat menyelamatkan manusia. Oleh itu, guru-guru yang mengamalkan konsep *ta'dib* merupakan contoh teladan yang terbaik kerana mereka mempunyai keupayaan untuk mengubah pemikiran dan tingkah laku pelajar serta masyarakat secara umumnya.

Pernyataan ini turut disokong oleh kajian Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2020) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengamalkan ciri-ciri unggul dapat memberikan impak kepada perkembangan murid. Ciri-ciri amalan tersebut termasuklah sifat-sifat teladan seperti ketakwaan, kebenaran, kejujuran dan amanah, menunjukkan penghayatan agama yang tinggi, adab sopan, penampilan yang kemas dan menarik, kasih sayang, keibubapaan dan kemahiran kerja yang baik. Ciri-ciri ini memberi pengaruh positif terhadap perkembangan pelajar dari segi perkembangan moral, mewujudkan hubungan 'pelajar-guru' yang positif dan meningkatkan motivasi mahupun minat pelajar untuk belajar.

Kajian Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini (2018) pula mendapati bahawa ciri-ciri personaliti GPI yang perlu diambil berat adalah penampilan, komunikasi, tingkah laku serta emosi. Selain berpakaian menutup aurat dan mematuhi amalan Islam, guru-guru perlulah sentiasa terlihat kemas dan berperwatakan menarik. Perkara ini menjadi perhatian pelajar yang selalunya cenderung untuk mengikut fesyen yang digayakan oleh guru mereka. Selain itu, GPI perlu mengamalkan komunikasi yang berkesan dengan para pelajar. Sebagai contoh, sikap sabar melayani kerenah pelajar, menjadi pendengar yang baik serta memberi nasihat dengan santai supaya pelajar tidak berkecil hati dan seronok mendengar nasihat. Guru-guru perlu mengetahui latar belakang pelajar supaya mereka dapat lebih memahami emosi pelajar. Komunikasi yang berkesan dengan menjaga emosi yang baik dapat membuatkan pelajar lebih selesa dengan guru. Dari segi tingkah laku, guru-guru menyifatkan bahawa hukuman seperti denda dan merotan adalah tingkah laku yang tidak membantu dalam pembentukan akhlak pelajar yang baik. Kesimpulannya, personaliti GPI memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak pelajar ke arah lebih baik.

Tanggungjawab yang berat untuk mendidik, memimpin dan membentuk sahsiah murid terletak di bahu guru khususnya GPI. Dalam pengertian ini, guru mestilah mempunyai sikap yang positif kerana mereka akan menjadi contoh dan teladan kepada pelajar sebelum menjadi pembimbing dalam masyarakat melalui tingkah laku atau perkataan yang diucapkan (Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila, 2017). Untuk merealisasikan pembentukan

generasi yang berakhlak mulia ini, GPI perlu menggalas peranan sebagai *Mursyid*, *Murabbi* dan *Muaddib* agar insan yang seimbang dan mempunyai peribadi yang mulia dapat muncul daripada sistem pendidikan negara Malaysia pada hari ini (Nor Izzati, 2021). Ini selaras dengan peranan semasa guru sebagai pendidik dan mentor kepada moral, emosi, fizikal dan sosial untuk pelajar mereka. Oleh itu, guru khususnya tenaga pengajar Pendidikan Islam hendaklah mengenali tujuan sebenar mereka dan memiliki sahsiah mulia demi mendidik generasi pelapis insan yang berakhlak mulia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka ciri-ciri personaliti yang unggul yang perlu ada pada GPI yang dapat membentuk sahsiah pelajar di sekolah menengah di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah analisis literatur dengan pendekatan kajian kualitatif. Antara dokumen yang telah dianalisis termasuklah kepentingan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam membentuk keperibadian pelajar, pengaruh GPI, kepentingan Pendidikan Islam dan personaliti yang perlu ada pada seorang GPI. Berdasarkan aspek tersebut, analisis kajian membincangkan lima ciri personaliti GPI yang dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar iaitu aspek penampilan, komunikasi, dedikasi, tingkah laku, dan emosi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan ciri-ciri personaliti GPI yang baik berdasarkan analisis literatur yang telah dilaksanakan. Sebanyak 25 buah artikel telah dianalisis. Selain itu, pandangan Ibn Manzur (1996), Abu Bakar bin 'Abd al-Qadir al-Razi (1981), Imam al-Ghazali (1996) berkaitan dengan adab dan akhlak dalam konteks personaliti guru turut disemak. Berdasarkan kesemua artikel ini, pengkaji merumuskan 5 ciri-ciri personaliti GPI yang boleh memberi pengaruh kepada pembentukan sahsiah pelajar mereka. Ciri-ciri personaliti tersebut termasuklah penampilan, komunikasi, tingkah laku, emosi, dan dedikasi GPI.

(a) Penampilan

Merujuk kenyataan Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini (2018), penampilan seseorang adalah hasil daripada beberapa faktor yang jika digabungkan akan menjadikan individu itu kelihatan sempurna. Seseorang yang mempunyai penampilan yang baik akan nampak bersesuaian dengan cara beliau berpakaian, memakai aksesori, posisi duduk dan berdiri, gaya berjalan- jalan serta adab yang sopan. Kesannya, individu yang mempunyai penampilan diri yang baik mudah untuk disenangi, dihargai dan disayangi oleh orang di sekeliling. Malah, penampilan diri yang baik juga boleh meningkatkan daya tarikan individu tersebut sehingga boleh mengangkat harga diri mereka (Pennington, 2021). Justeru, GPI hendaklah sentiasa mempamerkan penampilan yang sepadan dengan perwatakan, sikap dan tingkah laku mereka yang cemerlang.

Penemuan kajian daripada Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2020) menunjukkan bahawa mempunyai etika berpakaian yang kemas, menarik dan patuh syariah adalah salah satu ciri GPI yang baik. Sebagai contoh, GPI perlu mengekalkan kod etika seperti pakaian yang longgar dan menutupnya mengikut tatacara berpakaian Islam serta memastikan pakaian tersebut diseterika dengan kemas, cantik dan terhindar daripada sebarang bau badan yang kurang menyenangkan. Malah, GPI dititikberatkan dalam memiliki penampilan yang elegan dan moden kerana ia mencipta keperibadian yang menarik serta

sebagai lambang maruah mereka. Hal ini kerana, imej dan sahsiah yang baik akan mempengaruhi cara pelajar memandang mereka sebagai seseorang yang dipandang tinggi, dihormati dan disayangi oleh semua orang. Ini membantu pelajar merasa selesa, tenang dan yakin dalam menerima ilmu yang diajar.

Kajian daripada Hasbullah, Ahmad Yusuf dan Fakhrul Adabi (2020) turut menekankan kepentingan penampilan GPI dalam mempengaruhi pelajar terutamanya dalam aspek pembelajaran sosial. Menurut kajian ini, pelajar sering memerhatikan guru mereka termasuklah cara guru mereka berpakaian, berjalan dan sebagainya. Memandangkan guru merupakan antara individu yang paling dekat dengan pelajar selain ibu bapa yang berada di rumah, maka pelajar cenderung untuk meniru dan mencontohi gelagat guru mereka. Hal ini termasuklah dari segi penampilan dan cara berpakaian.

Menurut Handayani dan Ziaulhaq (2022), penampilan guru yang berpakaian mengikut syariah Islam yang sebaiknya secara tidak langsung menjadi pesan persuasif guru untuk mengajak pelajar turut membina sahsiah yang baik bermula dengan pemakaian yang sopan. Cara ini adalah berkesan dalam mendidik pelajar untuk turut mempunyai etika berpakaian yang sopan dan menutup aurat kerana ia berbentuk komunikasi persuasif yang lebih halus, lembut, dan berperikemanusiaan berbanding dengan arahan atau teguran yang keras. Pernyataan ini turut disokong oleh Handayani dan Ziaulhaq (2023) yang menyatakan bahawa komunikasi persuasif dalam bentuk penampilan guru yang baik menghasilkan kesedaran, kerelaan, dan seterusnya perasaan senang hati dalam kalangan pelajar untuk turut sama menjaga penampilan yang lebih sopan dan mengikut syariah.

(b) Komunikasi

Menurut Sohana dan Hairun Najuwah (2017), komunikasi merujuk kepada kemahiran yang diwujudkan untuk membina sesuatu perhubungan di mana ia bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain. Komunikasi boleh dilaksanakan melalui pelbagai medium sama ada melalui pertuturan, penulisan atau pun melalui kaedah mendengar. Mokhtar et al. (2021) pula menyifatkan komunikasi dari sudut pandangan Islam sebagai proses penyampaian atau perkongsian mesej dan maklumat menggunakan prinsip dan teknik komunikasi berasaskan al-Quran dan Hadis. Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) mengatakan bahawa GPI percaya pelajar akan lebih mempercayai dan menghormati guru mereka yang bukan sahaja pandai bercakap tetapi pada masa yang sama mengamalkan ilmu mereka juga. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa pelajar berasa sangat yakin untuk mempelajari ilmu agama daripada guru-guru yang mengamalkan syariat Islam dalam kehidupan seharian baginda seperti sunnah nabi Muhammad SAW. Tambah Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) lagi, dalam mengajar, guru jangan beritahu murid tentang perkara yang boleh dan tidak boleh, tetapi perlu memberi contoh yang baik kepada mereka dengan mengamalkan adab dan perbuatan yang baik.

Abu Bakar dan Aderi Che Noh (2022) menekankan kepentingan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam, termasuklah guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Kemahiran komunikasi guru yang baik dapat membantu mereka membentuk personaliti unik yang membezakan mereka daripada guru-guru yang lain. Secara tidak langsung, guru dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mereka berlangsung dengan baik, dan mencapai hasil yang berkesan. Hal ini sangat penting terutamanya bagi GPI yang menyampaikan ilmu yang perlu diamalkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian demi menjadi individu Islam yang benar. Komunikasi guru yang baik

termasuklah menggunakan ucapan yang baik, bahasa dan intonasi suara yang jelas, dan mengemukakan soalan yang mampu merangsang pemikiran murid. Selain itu, Abu Bakar dan Aderi Che Noh (2022) turut membuktikan memasukkan unsur jenaka dalam komunikasi boleh menjadikan nasihat atau pengajaran yang dilaksanakan adalah berkesan dan tertanam di dalam hati pelajar. Kajian ini turut disokong kajian Noor Shamsinar et al. (2019) yang menegaskan kemahiran komunikasi yang baik adalah syarat utama bagi memastikan guru dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan murid dapat melalui proses pembelajaran dengan baik.

Menurut Kamarulnizam dan Zetty Nurzuliana (2019), komunikasi yang berkesan boleh membantu murid mencapai prestasi terbaik. Ini menunjukkan bahawa elemen komunikasi GPI mestilah sentiasa dipertingkatkan. Interaksi antara pendidik dan pelajar boleh mencipta proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Noor Shamsinar et al., 2019, Normiati & Abdul Said, 2019; Norma & Mohd Isa, 2020). Mempelbagaikan strategi komunikasi dan pengajaran berpusatkan murid di bilik darjah memerlukan GPI yang inovatif. Ini mempunyai kesan yang baik terhadap kualiti pendidikan semasa. Ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan kemahiran komunikasi mempunyai kesan ke atas cara guru mengajar dan belajar.

Kajian Yun Xuan dan Faridah (2022) pula menekankan kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal untuk setiap guru. Urusan seharian bersama pentadbir, rakan sekerja dan murid akan menjadi lebih mudah dengan komunikasi yang berkesan ini. Mendengar, berinteraksi, bertutur serta menguruskan perasaan adalah semua elemen yang diambil kira dalam komunikasi ini. Ini menunjukkan bahawa aspek komunikasi interpersonal, termasuk komunikasi lisan dan bukan lisan, perlu difahami dengan baik sebelum boleh digunakan dengan berkesan.

(c) Tingkah Laku

Tingkah laku ialah tindak balas badan terhadap sebarang sikap berdasarkan satu set cita-cita (Syafiqah & Tengku Sarina, 2018). Pada asasnya, tingkah laku ialah segala yang dikatakan atau dilakukan oleh seseorang. Di samping itu, tingkah laku menonjolkan bahawa seseorang individu bertindak mengikut persepsi diri dan keadaannya. Jika individu tersebut mempunyai konsep sendiri yang baik, maka dia boleh berinteraksi dan berkelakuan dengan lebih yakin. Di samping itu, tingkah laku merangkumi sebarang tindakan langsung atau tidak langsung, sedar atau bawah sedar.

Menurut Imam al-Ghazali (1995), tingkah laku manusia mempunyai tujuan dari sudut Islam, iaitu tingkah laku berdasarkan kewajipan agama dan kemanusiaan. Berikut adalah ciri-ciri tingkah laku manusia:

- a) Semua tingkah laku manusia didorong oleh keinginan dan niat.
- b) Dorongan atau motivasi manusia itu berasal dari dalam.
- c) Pemacu ini mungkin diaktifkan oleh isyarat luaran atau dalaman yang berkaitan dengan tuntutan fisiologi atau emosi, seperti kelaparan, cinta, atau takut kepada Tuhan.
- d) Motivasi akan mendorong seseorang untuk bertindak.
- e) Tingkah laku yang terhasil dipengaruhi oleh sentimen dan pengetahuan tentang senario tertentu.
- f) Sentiasa dan berterusan, motivasi dan tingkah laku berinteraksi antara satu sama lain.

Individu yang bergelar guru memainkan peranan yang sangat penting dalam merintis jalan dan menerajui perubahan demi meningkatkan kualiti institusi pendidikan dan menjana insan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Disebabkan hakikat bahawa pendidikan merupakan instrumen yang sangat baik untuk menjana modal insan, profesion perguruan sering dianggap sebagai profesion yang paling signifikan dalam proses perkembangan individu dan masyarakat. Pendidik ialah seorang yang mempunyai peranan profesional di mana mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga mendidik untuk membentuk sikap, nilai, akhlak, dan keperibadian pelajar melalui pembentukan akhlak yang baik. Dengan kata lain, mereka mendidik untuk membentuk peribadi seseorang melalui pembentukan akhlak yang baik. Sehubungan dengan ini, adalah penting bagi guru untuk mempamerkan ciri-ciri personaliti yang positif seperti mengawal diri, berbudi bahasa, bersopan santun, bertimbang rasa, mempunyai rasa simpati, berdedikasi, dan positif, bukan sahajasesama di sekolah tetapi juga di luar kawasan perguruan (Lim, Shahidah, & Abdull Sukor, 2023). Personaliti adalah gabungan perwatakan dan tingkah laku, dan ia merupakan salah satu faktor yang boleh menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih mudah atau lebih sukar. Keperibadian yang luar biasa ditakrifkan oleh sifat-sifat seperti adil, sabar, tegas, serius, mesra, belas kasihan, kerjasama, menepati masa, tanggungjawab, mulia, dan baik hati (Wan Ali, 2022).

Bagaimana seseorang pelajar berkelakuan dalam persekitaran bilik darjah merupakan tindak balas terhadap kaedah yang digunakan oleh guru. Cara guru berkelakuan, menerangkan pelajaran dan berinteraksi dengan pelajar semasa kelas pengajaran dan pembelajaran memberi impak yang besar kepada kejayaan dan pencapaian mereka. Selain itu, hubungan guru-murid yang membina mempunyai kesanyang besar dan positif terhadap keputusan akademik pelajar (Hasbullah, Ahmad Yusuf, & Fakhrul Adabi, 2020). Menurut Sukawati et al. (2019), guru yang terbaik adalah mereka yang mempunyai sahsiah dan tingkah laku yang baik terhadap pelajarnya dan boleh menggabungkan dua elemen utama dalam pelajaran iaitu mengajar dan mendidik.

Tingkah laku guru mencerminkan keperibadian dan personaliti mereka, dan pelajar berkelakuan mengikut personaliti yang ditunjukkan oleh guru tersebut (Sukawati et al., 2019). Jika guru tersebut merupakan seorang yang kuat dan teguh pendirian, maka pelajar akan menghormatinya, dan jika guru merupakan seorang yang lemah dari aspek personalitinya, maka pelajar tidak akan menghormatinya. Tambah Sukawati et al. (2019), personaliti guru boleh memberi kesan positif atau negatif kepada pelajar. Guru dianggap sebagai model kepada pelajarnya. Sebarang tindakan yang dilakukan oleh guru boleh memberi impak yang besar kepada tingkah laku pelajar. Oleh itu, guru harus berhati-hati dalam tingkah lakunya dengan pelajar. Sebagai contoh, seseorang guru harus memilih perkataan yang sesuai semasa bercakap dan menggunakan permintaan yang sopan. Guru bukan sahaja harus memberikan pelajar maklumat tetapi juga menunjukkan kepada mereka jalan yang betul yang membawa mereka kepada kejayaan.

Hafizan dan Mohamad Marzuqi (2022) menyatakan bahawa guru yang mempunyai keperibadian yang baik adalah sangat penting dan mereka layak digelar sebagai *muaddib*. Keperibadian yang baik merupakan tunjang jati diri sebagai seorang guru Pendidikan Islam dan ia dianggap sebagai kompetensi utama GPI supaya dapat membangunkan pelajar yang seimbang hubungannya dengan Allah SWT dan juga manusia. Tingkah laku guru yang diselidik dalam kajian kuantitatif ini termasuklah peranan guru sebagai *muaddib* atau pendisiplin, tutur kata yang baik, teguran yang berhikmah, akhlak yang baik, ingatan berbuat baik, berkata benar, dan menjaga penampilan yang sesuai sebagai seorang guru agama. Kajian

ini memberikan pendedahan mengenai nilai yang perlu ada pada seorang GPI supaya dapat menjadi contoh atau *Qudwah Hasanah* kepada pelajar.

Kajian lain daripada Mohamad Marzuqi, Abd Hadi, dan Ummu Maisaroh (2021) juga menegaskan kepentingan nilai-nilai murni dalam pengajaran GPI supaya dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari pelbagai aspek terutamanya dari aspek emosi, rohani, intelek, dan jasmani. Kajian ini telah melaksanakan kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan di mana nilai, keperibadian, dan tingkah laku GPI telah diselidik. Antara pendekatan nilai murni yang ditunjukkan guru termasuklah sentiasa memberikan contoh yang baik kepada pelajar, di samping sering mengingatkan pelajar kepada ganjaran pahala adalah lebih baik daripada ganjaran dunia, serta sentiasa berfikiran terbuka tanpa melwati batas agama. Berdasarkan amalan kepimpinan GPI yang menerapkan nilai dan tingkah laku yang baik, penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam juga adalah tinggi. Malah, terdapat korelasi positif antara kedua pembolehubah ini. Penguasaan pelajar yang tinggi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara tidak langsung menunjukkan kemenjadian pelajar di sekolah bergantung kepada nilai-nilai murni yang diterapkan oleh GPI.

Abdul Hakim, Mohamad Marzuqi, dan Azmil (2020) dalam kajian mereka pula menegaskan GPI perlulah mengamalkan konsep *muaddib* dalam pengajaran mereka supaya dapat melahirkan modal insan yang berjiwa Muslim sejati. *Muaddib* dalam kajian ini ditakrifkan sebagai adab atau mendidik. Individu yang mempunyai adab yang baik secara tidak langsung adalah mereka yang mempunyai tingkah laku yang terpuji. Justeru, kajian ini mengetengahkan GPI sebagai *muaddib* yang harus menunjukkan tingkah laku terpuji, tidak kira daripada aspek pakaian, tutur kata, atau disiplin masa supaya dapat mendidik pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan pelajar.

(d) Emosi

Frenzel, Daniels, dan Buric (2021) menyebut bahawa emosi boleh difahami sebagai pola yang disegerakkan, koheren bagi tindak balas saraf pusat dan periferai-fisiologi yang dicerminkan dalam kecenderungan tindakan dan ekspresi muka, vokal dan gerak isyarat yang disepadukan ke dalam pengalaman subjektif. Sebagai contoh, dalam saat kemarahan, seseorang akan berasa sangat terangsang secara negatif dan keinginan untuk “melawan” rangsangan yang tidak menyenangkan yang membangkitkan kemarahan mereka, sambil mengerutkan kening dan membuat gerak isyarat mengancam. Oleh itu, emosi mempunyai implikasi motivasi yang penting kerana ia boleh menghasut dan mengekalkan aktiviti yang diarahkan matlamat (Frijda, Ridderinkhof, & Rietveld, 2014).

Emosi guru adalah penting dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar (Hasbullah et al., 2020). Kerana ekspresi luaran mereka, emosi tidak disedari oleh rakan interaksi dan dengan itu boleh memberi kesan kepada mereka. Sehubungan itu, sebaik sahaja guru mengalami dan meluahkan emosi, emosi tersebut boleh mempengaruhi pelajar dalam sekurang-kurangnya tiga cara (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini, 2018). Pertama, emosi boleh dihantar secara langsung daripada guru kepada pelajar. Kedua, emosi guru adalah kritikal dalam membentuk kualiti hubungan guru-murid. Ketiga, emosi guru menyampaikan mesej sosial yang penting dengan potensi implikasi terhadap kepercayaan pelajar (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini, 2018).

Sehubungan dengan peranan guru sebagai pendidik, pemilikan keperibadian merupakan satu keperluan yang mesti dipenuhi oleh guru. Guru akan dapat mendidik serta

mengajar sekiranya mempunyai kestabilan emosi, mempunyai rasa tanggungjawab yang besar untuk memajukan pelajar, bersikap realistik, jujur, dan bersikap terbuka serta peka terhadap perkembangan pendidikan. Tanpa disedari atau tidak, di samping alat dan segala perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan yang membawa kepada kejayaan matlamat pendidikan, ternyata personaliti guru sangat penting dalam menjayakan pengajaran. Kompetensi seseorang guru mempunyai pengaruh terhadap tabiat belajar pelajar termasuk motivasi belajar pelajar (Kasmawati, 2020).

Menurut Norhalimatun Saadiah Ayub et al. (2020), membentuk hubungan yang rapat dengan guru dan meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar yang diajar oleh guru yang dihormati dan berkepercayaan akhirnya akan menjadi pelajar yang berakhlak mulia. Dengan menjadi guru yang penyayang kepada pelajar, ia membuatkan mereka rasa dihargai dan disayangi. Mereka tidak akan berasa segan atau takut untuk mendekati guru dan menghasilkan hubungan mesra yang terjalin. Kerana kebaikan dan keikhlasan guru, pelajar tidak akan sesekali menyakiti perasaan guru sama ada dengan perkataan mahupun perbuatan. Sebaliknya, mereka lebih bermotivasi untuk belajar dan seronok berada di sekolah. Apabila emosi yang betul ditemui dengan keyakinan, kepercayaan, kegembiraan dan kepuasan; pelajar lebih mudah memahami pelajaran dan bimbingan daripada guru yang dipercayai dan disegani. Mereka memberikan perhatian dan kerjasama sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa gagal di dalam kelas. Ini digunakan untuk kelebihan guru dalam mendidik dan membangunkan pelajar yang berilmu dan berakhlak mulia.

Narinasamy dan Logeswaran (2015) membincangkan tentang teladan guru dan etika penjagaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam membina hubungan dengan pelajar mereka di dalam bilik darjah. Mereka harus menjadi pendengar yang sabar kepada pelajar mereka dan ini boleh mengubah tingkah laku pelajar. Selain itu, guru yang menunjukkan tingkah laku empati akan dapat memupuk hubungan mereka dengan pelajar. Pelajar akan diyakinkan untuk meniru ciri empati guru mereka jika guru menggambarkan keprihatinan mereka kepada mereka. Guru juga memerhati dengan baik tingkah laku dan tindakan pelajar. Mereka harus memuji pelajar untuk mengesahkan tingkah laku mereka yang sesuai dan ini akan mendorong pelajar untuk berusaha dalam kerja mereka. Guru seharusnya menjadi seorang yang prihatin terhadap murid-muridnya. Ini dapat mengukuhkan peranan mereka sebagai model kepada pelajar khususnya dalam pendidikan moral. Pendek kata, guru harus mempunyai sifat empati dan penyayang untuk membangunkan akhlak pelajar.

(e) Dedikasi


Menurut Olohundare (2020), dedikasi merupakan elemen utama yang menentukan sejauh mana mereka menjalankan tugas rasmi mereka serta ia memberi kesan kepada kejayaan keseluruhannya. Mills dan Kaanakia (2019) percaya bahawa dedikasi pekerja adalah sangat penting untuk kejayaan organisasi. Pekerja yang berdedikasi melakukan usaha tambahan dan sentiasa mempamerkan tingkah laku yang akan memudahkan kejayaan organisasi, membekalkan maklumat positif kepada orang ramai tentang organisasi mereka dan mempamerkan minat untuk membangun dan berjaya dengan organisasi tersebut.

Mart (2013) menyatakan bahawa guru yang berdedikasi berkemungkinan mudah untuk membangkitkan minat pelajar ke arah pembelajaran aktif dan membimbing perkembangan intelek dan moral mereka untuk meningkatkan prestasi akademik mereka. Di samping itu, guru yang berdedikasi akan bersemangat dalam melaksanakan tugas rasmi mereka serta

mengembangkan minat yang mendalam untuk memastikan kejayaan akademik pelajar. Sebaliknya, guru yang mempunyai dedikasi yang rendah berkemungkinan melakukan tugas mereka secara sembarangan dan kejayaan akademik pelajar mungkin tidak menjadi keutamaan mereka. Olohundare (2020) menjelaskan bahawa guru dikategorikan sebagai individu istimewa yang dibebani dengan tanggungjawab membentuk kanak-kanak menjadi dewasa yang produktif dan akan menyumbang kepada pembangunan negara. Guru yang berdedikasi ialah seseorang yang bersemangat dalam apa sahaja yang mereka lakukan, sama ada mengajar atau mengetuai aktiviti kokurikulum.

Asnuurien Najma Ahmad dan Azlin Nurhaini Mansor (2013) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam perlu sentiasa rajin dan komited dalam menjalankan tugas. Mereka perlu memainkan peranan untuk menyampaikan ilmu dan ajaran Islam yang benar kepada para pelajar. Melalui sikap dedikasi, matlamat Falsafah Pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar yang berakhlak dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dapat diwujudkan. Sikap amanah dan jujur juga ditunjukkan oleh GPI dengan melaksanakan tugas dengan baik, menyampaikan pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran yang dirancang, menambah kelas tambahan kerana kekangan masa sambil memantau perkembangan pelajar dari masa ke semasa serta menepati masa semasa mengajar merupakan elemen yang penting dalam pembentukan sahsiah pelajar (Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak, 2020). Sikap ini menyebabkan pelajar melihat GPI sebagai teladan dan cenderung untuk mencontohi mereka.

Model insentif keimanan yang dibangunkan oleh Mohamad Marzuqi et al. (2017) juga mengutamakan tingkah laku guru yang meneladani Rasulullah S.A.W dan Salafus Soleh untuk menjayakan pengajaran yang berkesan. Menurut model ini, seorang guru Muslim perlulah tekun, ikhlas, meneladani Rasul dan Salafus Soleh, serta sentiasa mencari redha Allah semasa bekerja. Secara tidak langsung, guru tersebut sentiasa menanamkan kesedaran dalam diri bahawa bekerja itu merupakan satu ibadah dan simbol kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT. Berdasarkan model yang dibina oleh Mohamad Marzuqi et al. (2017) ini, kajian mereka telah membuat tinjauan dan mendapati bahawa guru-guru Tahfiz telah menunjukkan komitmen dan disiplin yang tinggi dalam amalan pengajaran mereka malah ia membuahkan hasil dalam memberikan pendidikan berkesan kepada pelajar.



Rajah 1: Rumusan Dapatan Kajian.

Kesimpulan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah. Justeru, seorang GPI mempunyai tugas kritikal iaitu turut serta dalam memupuk sahsiah pelajar. GPI harus sedar bahawa segala yang ada dalam dirinya adalah unsur pemupukan kepada pelajar-pelajarnya. Selain pendidikan dan pengajaran yang sengaja dilakukan oleh GPI untuk pelajar; keperibadian, sikap dan cara hidup guru itu sendiri, bahkan cara berpakaian, cara bergaul, bercakap dan menghadapi sebarang masalah, yang secara langsung tidak berkaitan dengan pengajaran adalah sangat penting dalam pembentukan sahsiah pelajar. Kajian ini mempunyai kepentingan lima ciri personaliti yang penting yang perlu dititikberatkan oleh GPI dalam mendidik sahsiah pelajar yang unggul. Ciri personaliti tersebut adalah dalam aspek penampilan, komunikasi, tingkah laku, emosi, dan dedikasi seperti yang dianalisis daripada literatur lepas.

Rujukan

- Abd al-Latif Muhammad Abd. (1985). *Akhlaq fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Dar al- Thaum.
- Abdul Hakim, R., Mohamad Marzuqi, A.R. & Azmil, H. (2020). Amalan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Konsep Mu'addib di Zon Selatan Negeri Johor. *Technical & Social Science Journal*, 10(1), 98-113.
- Abu Bakar, M. & Aderi Che Noh, M. (2022). Kepentingan Kemahiran Komunikasi dan Personaliti Guru Pendidikan Islam Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(2), 168-178.
- Adillah Ramly, N. & Halim Masnan, A. (2023). Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 4(2), 41-50. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v4i2.6.2023>.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character*, 211-218.
- Frenzel, A.C., Daniels, L. & Buric, I. (2021): Teacher emotions in the classroom and their implications for students. *Educational Psychologist*, 56(4), 250-264. <https://doi.org/10.1080/00461520.2021.1985501>.
- Frijda, N. H., Ridderinkhof, K.R. & Rietveld, E. (2014). Impulsive action: Emotional Impulses and Their Control. *Frontier of Psychology*, 5, 518.
- al-Ghazali, A.H. (1995). *Mizan al- 'Amal*. Introduction. (A. A. Milhem, Trans.) Beirut: Dar wa Maktabat al-Hilal.
- al-Ghazali, A.H. (1996). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Hafizan, M. D. & Mohamad Marzuqi, A.R. (2022). Hubungan Elemen Nilai Terhadap Kompetensi Guru Pelatih. *E-Seminar Penyelidikan Kebangsaan*, 60-68.
- Handayani, L. & Ziaulhaq, W. (2022). Pelaksanaan Transfer Pesan Persuasif Guru dalam Menyeru kepada Siswa-Siswi agar Menggunakan Pakaian Syar'i pada Madrasah Aliyah Persiapan Negeri Besitang. *Journal of Indonesian Culture and Beliefs (JICB)*, 1(1), 53-64.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75-89.
- Ibn Manzur. (1996). *Lisan al- 'Arab* (tashih) Amin Muhammad 'Abd Wahhab wa Muhammad al-Sadiq al-'Ubaydi, c. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed (2019). Kertas Konsep Kompetensi Guru Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019) 29 Ogos 2019*, 216-227.
- Lim, K.T., Nurul Shahidah, A.N. & Abdull Sukor, S. (2023). Atribut Peribadi Guru yang Paling Ditekankan dan Mempunyai Konsensus dalam Sistem Pendidikan di Lapan Negara. *Journal of Education and Social Sciences*, 23(1), 1-16.
- Linda Sari Bulan Siregar (2021). Islamic Education: Factors that Affect Teachers in Building Student's Islamic Character. *International Journal of Asian Education*, 2(4), 462-471.
- Mart, C.T. (2013). A passionate teacher: Teacher commitment and dedication to student learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 2(1), 437-448.
- Mills, B.R. & Kaanakia, T.K. (2019). Employee dedication and performance of transport operators in the marine sector in Port Harcourt, Nigeria. *International Journal of Advanced Academic Research*, 5(5), 11-33.
- Mohamad Marzuqi, A.R., Azmin, H., Abd Hadi, B., Wahyu Hidayat, A. & Ahmad Yussuf (2017). Pengaruh Insentif Keimanan Terhadap Amalan Pengajaran Guru Tahfiz Al-Quran di Negeri Perak. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 5(2), 94-105.
- Mohamad Marzuqi, A.R., Abd Hadi, Borham & Ummu Maisaroh, B. (2021). Nilai-Nilai Murni dalam Kepimpinan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Darul Mualim. *Al-Hikmah*, 13(1), 3-20.
- Mohammad Faizin (2021). Akhlak dan Etika. *SAMAWA: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 1(2), 97-103.
- Mohd Saiful Akmal Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinain Badaruddin (2021). Konsep Pendidikan Akhlak dan Ciri-Ciri Keistimewaannya dalam Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 22-32.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam Dalam Kitab AlQuran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.6230010>.
- Muhammad bin Abu Bakr ‘Abd al-Qadir al-Razi. (1981). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Narinasamy, I. & Logeswaran, A.K. (2015). Teacher As Moral Model – Are We Caring Enough? *World Journal of Education*, 5(6), 1-11. <https://doi.org/10.5430/wje.v5n6p1>.
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin (2019). Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1-10.
- Nor Izzati, M.N. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 64-76.
- Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak (2020). The Characteristics of Islamic Education Teachers and Its Influences on Student's Development. *International Conference on Business Studies and Education*, 66-73.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah (2020). Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30 – 42.

- Norzi, M.Y. & Khadijah, A.R. (2022). Kompetensi Guru Muslim berdasarkan Surah ar-Rahman Ayat 1 hingga 4. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 6, 65-78.
- Nurhadi & Muhammad Irhamuddin Harahap (2021). Teacher's Responsibility in Islamic Education (Relevance of Hamka and Hassan Langgulung Thought). *Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan*, 9(1), 137-181.
- Olohundare, S.K. (2020). Assessment of teacher's dedication, discipline, knowledge, and skills in Kwara state basic schools, Nigeria. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 14(4), 537-542.
- Pennington, C.G. (2021). Commentary on the Impact of Teacher Appearance and Age on Student Attitudes. *Journal of Education and Recreation Patterns*, 2(1), 1-8. <https://doi.org/10.53016/jerp.v2i1.7>.
- Sohana, A.H. & Hairun Najuwah, J. (2017). Komunikasi Berkesan Membina Sahsiah Pelajar. *Journal of Islamic Studies*, 1, 1-7.
- Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila (2017). Pembentukan Personaliti Guru Agama sebagai Role Model dalam Masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 254-263.
- Sukawati, N.N., Savitri, O.I., Coreta, A., Taftania, S. & Ratnasari, Y.T. (2019). Teacher's personalities, performances, and professionalism: A Descriptive Study. *Advances in Social Science, Education, and Humanities Research*, 381, 232-237.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2018). Personaliti Guru Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal Di Sekolah Menengah Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 59-75.
- Wan Ali Akbar, W.A. (2022). Guru Inovatif Pendidikan Islam dalam Inovasi Pengajaran. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Ahmad Shafiq Mat Razali, Faiz Mukmin Abdul Mutalib, M., Hamzah Omar & Nur Zafirah Mohd Fadzli (2023). Personaliti Guru Pendidikan Pengajian Islam dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah*, 4, 40-47.
- Yun Xuan, N. & Faridah Mydin Kutty (2022). Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-17.
- Zainuddin (1991). *Seluk Beluk Pendidikan dari Al – Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.